

wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 210 ● 12 - 18 MEI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Anwar: The Untold Story

Pesan Azizah jadi azimat Anwar

Foto: SADIQ ASYRAF/Pejabat Perdana Menteri

Hari Terbuka Parlimen:
Peluang kenali badan
legislatif Malaysia

>> 9 - 11

Catatan Kota Batu:
Nostalgia era
surat khabar

>> 6

Keenakan juadah
masyarakat asli di
Jungle School Gombak

>> 16

Warga kota sambut baik inisiatif penghantaran bil DBKL atas talian

DIANA AMIR

DALAM menyumbang ke arah bandar yang lebih maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan satu inisiatif baharu di mana penghantaran bil dilakukan secara atas talian.

DBKL memaklumkan bermula tahun 2024, bil bercetak di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar ibu negara tidak akan dikeluarkan lagi.

"Ia selaras dengan sasaran DBKL ke arah sifar kertas bermula tahun hadapan. Bil-bil akan dihantar secara atas talian melalui e-mel atau aplikasi WhatsApp."

"Sehubungan itu, penghuni di PA/PPR diminta untuk mendaftar di E-Penghuni PA/PPR bagi membolehkan penerimaan bil secara atas talian (e-bil)," katanya menerusi satu hantaran di laman Facebooknya baru-baru ini.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati rata-rata warga kota menyambut baik dengan inisiatif baharu yang



diperkenalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tersebut.

Menurut Fauzi Taib penghantaran bil melalui atas talian lebih mudah untuk disimpan sebagai ruju-

kan di masa hadapan.

"Memandangkan sekarang ini dunia teknologi, jadi semua maklumat dihantar melalui e-mel, WhatsApp atau scan QR code dan

kita boleh simpan maklumat bil-bil tu dekat dalam phone, bila kita perlukan kita boleh print or send balik dekat orang tu. Tambahan dia boleh memudahkan orang tanpa perlu bergerak ke mana-mana," katanya.

Turut menyokong inisiatif tersebut, Muhammad Syuqqree berkata ia antara jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi penduduk PA/PPR apabila bil-bil bercetak tidak sampai ke tangan mereka.

"Terbaik DBKL. Satu insiatif baru yang bagus sebab di PPR kebanyakannya peti surat rosak dan bil-bil selalu tidak sampai kepada penduduk," katanya.

Manakala Rozali Md Noor berkata meskipun ia merupakan satu langkah yang bagus namun aplikasi tersebut mestilah mesra pengguna memandangkan pelbagai peringkat umur yang tinggal di kawasan PA dan PPR.

"Nak buat ini bagus..tapi biar mesra pengguna pada semua warga. Terutama warga emas serta Orang Kurang Upaya (OKU) yang tiada

anak atau tinggal sendiri," katanya.

Berkongsi pendapat yang sama, Nur Iman Razali turut mencadangkan agar satu aplikasi syarikat telekomunikasi dibuat bagi memudahkan urusan pembayaran.

"Buat satu app contoh macam app yang telco..senang nak bayar..tapi cara lama jangan dilupakan. Ia bagi memudahkan warga emas yang mengalami kesukaran dengan teknologi. Warga OKU pun ramai tinggal di PPR," ujarnya.

Dalam pada itu, DBKL turut memaklumkan terdapat perbezaan di antara aplikasi DBAYAR dan MOBIS.

"Aplikasi DBAYAR lebih khusus kepada penerimaan bil-bil air air, sewa dan caj perkhidmatan di PA/PPR di bawah pentadbiran DBKL. Jika tidak mendaftar, bil-bil tersebut tidak akan dapat diterima," jelas DBKL.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh hubungi unit sewa di talian 019-326 5332 atau unit air 019-322 0332 atau unit akaun jualan 019-325 1332. **WK**

Kutipan cukai tunjuk trend positif, LHDN yakin RM176 billion dicapai

KUTIPAN cukai tahun ini menunjukkan trend positif dengan kutipan harian mencatatkan 20 peratus lebih tinggi berbanding tahun lepas, kata Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), **Datuk Dr Mohd Nizom Sairi**.

Beliau berkata sekiranya trend positif ini kekal LHDN mampu mencapai sasaran kutipan hasil berjumlah RM176.1 bilion tahun ini atau melepas sasaran tersebut.

"Kita berada pada tahap yang sangat membanggakan. Terima kasih kepada pembayar cukai yang terus mengkalkan tahap pematuhan yang baik," katanya kepada media pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dihadiri Timbalan Menteri Kewangan, Steven Sim Chee Keong, baru-baru ini.

Mengenai sama ada kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada tiga peratus akan menjelaskan kutipan cukai, Mohd Nizom berkata ia kemungkinan akan memberi kesan secara tidak langsung namun tidak serta-merta.

"Mungkin (ada kesan) secara tidak langsung tetapi tidak secara *immediate* (serta-merta)," katanya.

Pada 3 Mei lepas, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada tiga peratus.

Tahun lepas,

LHDN mencipta sejarah meraih kutipan cukai langsung tertinggi negara sebanyak RM175.4 bilion atau peningkatan 21.75 peratus berbanding 2021.

Mohd Nizom berkata pendekatan A.E.S (awareness-kesedaran, education-pendidikan dan services-perkhidmatan) yang diperkenalkan LHDN akan diperkemaskin bagi memartabatkan cukai sebagai aset negara secara berterusan demi mempertingkatkan kepercayaan rakyat.

Beliau berkata antara hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan adalah sekiranya pendapatan negara daripada sumber cukai langsung terus meningkat, kerajaan mampu memulangkan manfaatnya kepada rakyat.

"Sudah pasti pelbagai agenda bermanfaat untuk rakyat akan dapat direalisasikan. Taraf kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat akan dapat turut diperhebat melalui pelbagai projek pembangunan hasil daripada sumber pendapatan negara yang mencukupi," katanya.

- BERNAMA



Persijilan halal JAKIM untuk menu baharu dipercepatkan

PENGELUARAN sijil halal bagi menu baharu yang dibangunkan oleh pengusaha atau pengeluar produk makanan yang telah memiliki sijil berkenaan akan dipercepatkan, kata Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), **Datuk Hakimah Mohd Yusoff**.

Beliau berkata Jakim dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sedang dalam perancangan menambah baik prosedur permohonan persijilan halal termasuk meneliti kaedah mempercepatkan sijil halal bagi permohonan menu baharu.

"Biasanya pengusaha premis atau pengeluar produk makanan yang mohon sijil halal untuk produk baharu ini sudah ada sijil halal."

"Mereka akan guna bahan atau ramuan sama dalam menu baharu, jadi permohonan seumpama ini kita akan cuba percepat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Celik Halal Bersama Imam Peringkat Kebangsaan 2023 baru-baru ini.

Hakimah berkata sebarang kaedah baharu yang akan diputuskan kelak tidak akan berkompromi dengan prosedur permohonan sijil halal sedia ada yang mematuhi kehendak syariah dan standard antarabangsa ISO/IEC 17065.

Pada 23 Mac lepas, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata

Mesyuarat Majlis Halal Malaysia ber-setuju bahawa suatu mekanisme atau proses baharu perlu dilaksanakan bagi mempercepatkan proses pengeluaran sijil halal.

Jakim telah diiktiraf sebagai badan pensijilan halal pertama di negara ini apabila memperoleh kelulusan akreditasi ISO/IEC 17065 pada 10 Oktober 2020 selepas menjalani beberapa peringkat penilaian yang ketat oleh Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia).

Sementara itu, Hakimah berkata Program Celik Halal Bersama Imam Peringkat Kebangsaan 2023 diadakan bagi menyalurkan maklumat berkaitan isu halal kepada golongan berkenaan yang sering menjadi rujukan masyarakat di kawasan masing-masing dalam hal ehwal berkaitan agama.

"Penyebaran kenyataan sahih dan tepat daripada golongan imam menjadi faktor kepada sesuatu berita atau maklumat (berkaitan isu halal) mudah diterima masyarakat khususnya umat Islam. Saya melihat fungsi masjid dapat dijadikan pusat sehenti untuk masyarakat setempat mendapatkan maklumat berkaitan halal," katanya.



Menyifatkan golongan imam sebagai duta Jakim, beliau berkata peranan golongan itu dapat membantu menangani penyebaran maklumat dan berita palsu berkaitan isu halal di media sosial. - BERNAMA

Pesan Azizah jadi azimat Anwar

DARI MUKA HADAPAN

DEEL ANJER, DIANA AMIR & HAZIRAH HALIM

FOTO: DMY CREATION

DATUK Seri Anwar Ibrahim mengakui di sebalik perjuangan dalam arena politik, isteri beliau Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merupakan sumber kekuatan utamanya.

Perdana Menteri berkata Azizah sentiasa mengingatkannya untuk membaca doa yang membawa maksud 'Dengan nama Allah SWT yang bersama nama-Nya itu apa-apa sahaja di bumi atau di langit tidak boleh memberi mudarat dan Dialah zat yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.'

"Azizah dan anak-anak adalah insan yang sentiasa ada sebagai penguat semangat ketika berdepan dengan dugaan hebat. Banyak beban ditanggung oleh Azizah, anak-anak dan rakan-rakan. Cukuplah dengan beban itu."

"Saya sukar mengulas kerana ada episod yang telah kita lupukan kerana sakit dan menyedihkan," ujar beliau sejurus tayangan perdana filem Anwar: The Untold Story yang menyingkap kisah perjuangan beliau yang tidak didedahkan sebelum ini.

Menurut beliau walaupun



ANWAR dan Wan Azizah ketika menghadiri tayangan perdana filem Anwar: The Untold Story di Dadi Cinema, Pavilion Bukit Bintang, pada Isnin.

keseluruhan dialog dan penceritaan tidak 100 peratus tepat, namun isu yang dibangkitkan dalam karya berkenaan merupakan kejadian sebenar.

"Sebagai orang yang diceriterakan tentunya saya dan Azizah rasa

tersentuh. Episod-episod yang dipaparkan dalam filem ini betul (realiti). Isu-isu yang dibangkitkan juga adalah benar," ujar beliau turut memuji kehebatan sutradara serta barisan pelakon hebat.

Terdahulu turut hadir, isteri

beliau, Datuk Seri Dr Wan Azizah; Pengarah filem, Viva Westi; pelakon utama, Farid Kamil Zahari dan penyanyi lagu tema filem tersebut, Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Sementara itu, Wan Azizah bersyukur dan berharap agar filem

berkenaan mampu menangkis semua persepsi negatif yang pernah dilemparkan terhadap Anwar.

"Ia berikan sedikit gambaran bagaimana perjalanan kami dari dulu, ini juga untuk menangkis apa jua persepsi dulu. Anwar selama 23 tahun dipaparkan sebagai penjenayah, banduan, tidak mempunyai aura yang baik. Filem ini menangkis semua itu. *Alhamdulillah* syukur."

"Ini adalah antara tujuan yang kita nak sampaikan. Saya juga selalu berpesan kepada beliau, apa pun yang dilakukan, kena ingat Allah SWT," ujarnya ketika ditemui di Dadi Cinema, Pavilion Bukit Bintang, pada Isnin.

Filem Anwar: The Untold Story yang bakal ditayangkan pada 18 Mei ini berlatarkan antara tahun 1993 dan 1998 menceritakan mengenai perjalanan hidup Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta perjuangan beliau dalam menentang amalan rasuah.

Ia menampilkan pelakon Malaysia, Farid Kamil Zahari (Anwar Ibrahim) berpasangan sebagai suami isteri dengan pelakon popular Indonesia, Acha Sepriyadi (Wan Azizah) selain Hasnul Rahmat (Dr Mahathir Mohamad), Firdaus Mat Joni, Piet Pagau dan Dewi Irawan. **WK**

Filem yang penuh emosi

PENGARAH filem Anwar: The Untold Story, Viva Westi mengakui bukan suatu yang mudah untuk menjayakan filem tersebut kerana ia dibuat dengan berhati-hati selain rasa kecintaan yang luar biasa.

"Hampir dua tahun proses pembikinan filem ini. Hendak menceritakan apa yang ada dalam filem ini adalah paling sulit," ujarnya ketika ditemui sejurus tayangan perdana filem tersebut di Dadi Cinema, Pavillion Bukit Bintang, pada Isnin.

Katanya lagi, filem tersebut dibuat kerana perjuangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilihat penuh pancaroba selain di sebaliknya wujud seorang isteri yang penuh dengan kesetiaan dan rasa cinta yang mengiringi perjuangan suami.

"Kami membuat filem ini kerana perjuangan Anwar. Diharapkan ia mampu memberi inspirasi kepada semua dalam semua aspek yang dipertontonkan," ujarnya yang merupakan pemenang Pengarah Filem Terbaik dalam Festival Filem Indonesia tahun 2008.

Terdahulu, filem yang menjalankan penggambaran di Indonesia dan membabitkan kos 10 juta itu adalah hasil usahasama penerbit eksekutif, Zunar dan penerbit Mohammed Nolizam (Majee).



ANTARA babak dalam filem Anwar: The Untold Story.

Sementara itu, pelakon utama Farid Kamil berkata dia bersyukur berjaya merealisasikan watak pemimpin nombor satu negara itu.

"*Alhamdulillah*, akhirnya filem yang saya nanti-nantikan akan ditayangkan. Saya dapat rasakan kepahaman, kesusahan apabila kami semua bersetuju untuk memulakan

penggambaran filem.

"Ini kerana ia sebuah filem di mana pembikinannya pada ketika itu tidak mendapat 'restu'. Saya terpaksa merahsiakan pemergian saya ke Indonesia, sehingga tamat penggambaran dan sehingga Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan," ujarnya.

REAKSI

SCENE yang paling best ketika Anwar dalam penjara, beliau terkenang kisah kanak-kanaknya.

"Anwar curi buah pala. Ibunya berpesan jangan mencuri walau-pun kepunyaan bangsa lain seperti Cina, India. Apakah lagi sesama Melayu."



"Scene itu mengajar kita agar melawan rasuah dan jangan mencuri hak orang lain."

Haikal Isa

FILEM ini adalah kisah yang tak pernah diceritakan di mana rakyat tidak pernah tahu tentang perjuangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya suka jalan ceritanya, b a b a k - b a b a k yang dipaparkan tidak meleret, senang penonton nak faham dan garapan cerita sesuai dengan

a p a yang mahu ditonjolkan iaitu perjuangan Anwar. Banyak dipaparkan ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan."

"Di sebaliknya kita dapat tengok macam mana babak-babak itu disula-

mi dengan emosi, air mata, yang mana orang paling setia di sisinya adalah isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah."

Sudirman

SAYA tertarik dengan lagu tema Menjaga Cintamu yang dinyanyikan oleh Datuk Seri Siti Nurhaliza.

"Selain kemerduan suara Siti yang berjaya memukau pendengar, mesej lagu tersebut menggambarkan kesetiaan dan ketabahan hati seorang isteri."



"Hebatnya kesetiaan seorang isteri digambarkan dalam lagu tersebut yang turut dipaparkan dalam filem Anwar: The Untold Story."

Ika Mazlan

BAGI saya, scene paling mendebarkan apabila Anwar dipukul beberapa kali dalam tahanan, sekali gus dipisahkan daripada keluarga yang tidak tahu di mana beliau berada membuatkan hati digamit sayu.

"Scene itu sangat menyentuh jiwa kerana siapa boleh tahan air mata kalau isu yang melibatkan keluarga yang menderita dipaparkan."

Hanisah

Jom meriahkan Program Aidilfitri Malaysia MADANI@Dataran Merdeka

DIANA AMIR

PROGRAM Aidilfitri Malaysia MADANI@Dataran Merdeka bakal diadakan pada Sabtu ini (13 Mei) bersamaan 22 Syawal 1444H, bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam satu kenyataan berkata program tersebut merupakan anjuran pihaknya bersama gabungan masjid dan surau Jumaat di Wilayah-Wilayah Persekutuan serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama pelbagai rakan strategik.

"Program ini diinisiasi melalui pendekatan menghimpunkan masjid-masjid dan surau Jumaat terpilih sekitar Wilayah Persekutuan bagi menyediakan gerai jamuan masing-masing dalam menyantuni tetamu dan memberi makan secara percuma kepada masyarakat daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama."

"Ia selaras dengan semangat muhibah masyarakat Madani melalui konsep perpaduan dalam kepelbagaian."

"Sebanyak 120 buah

masjid dan surau Jumaat akan mengambil bahagian dalam acara tersebut termasuk dari Putrajaya dan Labuan serta beberapa rakan strategik yang lain," katanya program kali ini menyasarkan seramai 20,000 orang pengunjung.

JAWI dalam kenyataan berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga dijangka akan menghadiri program itu.

Tambahnya program dengan konsep yang serupa julung kali diadakan pada tahun 2019 ini turut menerima anugerah Malaysia Book of Records (MBOR) dalam kategori 'Penganjuran Masjid Paling Banyak Dalam Acara Rumah Terbuka Hari Raya'.

"Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai menu dan juadah akan disediakan oleh 120 gerai untuk dinikmati oleh para pengunjung. Antara menu utama termasuklah 105 ekor kambing golek, ayam golek, nasi tomato, nasi ayam, lemang dan rendang, sate, aneka kuih-muih, buah-buahan dan minuman, McDonalds, dim sum, roti canai dan pelbagai lagi juadah yang menyelerakan," ujarnya hidangan makanan kepada pengunjung

disediakan secara *first come, first served*.

Berkongsi mengenai objektif penganjuran program, JAWI berkata antaranya adalah untuk menjalankan silaturahim dalam kalangan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

"Selain itu, bagi membentuk semangat kerjasama juga persaudaraan dalam kalangan jawatankuasa masjid di Wilayah Persekutuan; mencetuskan perasaan cakna serta prihatin terhadap masyarakat yang kurang berkemampuan untuk merasai pelbagai juadah makanan atas semangat muhibah dan perpaduan; memasyarakatkan dan mempromosikan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan sebagai pusat penyatuan ummah serta memperkenalkan keunikan makanan-makanan Malaysia kepada pelancong dari dalam dan luar negara," jelasnya tahun ini merupakan tahun ketiga penganjuran program sememjak mula diperkenalkan.

Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan lagi Program Aidilfitri Malaysia MADANI@ Dataran Merdeka yang bermula pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari. WK



Program NGO@Makerthon bantu 20 komuniti PPR berkembang dalam inovasi

SERAMAI 20 komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) berjaya dibantu dalam aspek inovasi melalui Program NGO@Makerthon, baru-baru ini.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berkata ia dilaksanakan bersama Kementerian Sains, Teknologi

& Inovasi (MOSTI) melalui agensi masing-masing iaitu SME Corp. Malaysia dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan sokongan 20 badan bukan kerajaan (NGO).

"Ia juga bertujuan memperkasa NGO tempatan dengan pengetahuan mengenai Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam

membangunkan inovasi penyelesaian masalah komuniti PPR dan membina sistem sokongan berterusan untuk komuniti PPR," jelasnya dalam satu kenyataan.

Melalui program ini juga, NGO turut dibantu untuk menerapkan penyelesaian inovatif dalam isu sosial utama dalam kalangan komuniti

seperti sara hidup, pembangunan komuniti, persekitaran dan penerapan teknologi.

"Sehingga kini, program di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) itu berjaya memberi impak kepada 258,000 penerima melibatkan seramai 8,000 penerima manfaat langsung manakala 250,000

penduduk PPR turut menerima kesan tidak langsung melalui projek yang dilaksanakan," katanya.

"Peserta yang berjaya telah diberi geran permulaan perniagaan sebanyak RM15,000 untuk melaksanakan inovasi yang telah dirancang sepanjang tempoh program," katanya. WK



Rempt aktiviti sia-sia

KEMALANGAN yang meragut nyawa lapan budak sekolah di Johor Bahru pada 2017 tentunya masih segar dalam ingatan. Bagi ibu bapa dan kaum keluarga mereka yang terkorban, ini merupakan mimpi negeri yang tidak akan luput dari ingatan.

Kanak-kanak tersebut yang berlumba menaiki basikal lajuk di sebatang jalan di Johor Bahru pada pukul 3 pagi, terkorban apabila bertembung dengan sebuah kereta. Pada waktu ini sepatutnya mereka tidur tetapi memilih untuk membahayakan diri dengan berlumba.

Pemandu kereta dikatakan tidak menyedari kehadiran pelumba basikal lajuk ini dan tidak sempat mengelak apabila bertembung tiba-tiba. Kes ini telah selesai dibicarakan hingga ke peringkat Mahkamah Rayuan.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak berhasrat mengungkit kisah duka ini, cuma berharap apa yang berlaku dijadikan contoh teladan agar jangan melibatkan diri dalam aktiviti berbahaya rempit di jalan raya atau lebuh raya.

Isu ini kawan-kawan Kedai Kopi timbulkan kerana kegiatan berlumba atau rempit di jalan

raya masih berlaku di mana-mana. Mereka yang gemar berbuat demikian bagi lupa baik jalan raya atau lebuh raya bukan gelanggang berlumba.

Ia juga bukan tempat untuk menunjukkan kehebatan dengan pelbagai aksi berbahaya. Menunggang basikal yang telah diubah suai menjadi basikal lajuk, ibarat sengaja mencari bencana menempuh derita.

Begini juga merempit menggunakan motosikal dengan memotong dan mencelah di antara kenderaan lain di lebuh raya amat berbahaya kepada diri sendiri dan pengguna lain. Jika berlaku kemalangan, pengguna jalan yang tidak bersalah turut menerima tempias.

Kerap juga kita saksikan penunggang motosikal besar menunggang dengan laju di lebuh raya, sama ada dalam kumpulan kecil atau ramai. Menurut polis, Lebuh Raya Karak kini menjadi medan penunggang motosikal besar menguji kehebatan jentera masing-masing.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, dengan kelajuan mereka menunggang, jika terlibat dalam kemalangan akibatnya sangat serius. Malah ia mungkin membawa maut.

Adakah kita mahu ini berlaku terhadap diri sendiri atau anggota keluarga? Jika tidak, hentikan aktiviti sia-sia ini. Nasihat anak-anak agar tidak terlibat. Insaf dan ambil ambil iktibar daripada kejadian lalu.

Jalan raya dan lebuh raya, juga kenderaan baik motosikal atau kereta, adalah untuk kemudahan kita bergerak. Oleh itu gunakan kemudahan ini

dengan sebaik-baiknya. Sebarang penyalahgunaan akan membawa padah yang membawa sesal sepanjang hayat.

Libat urus draf KL2040

SEPERTI yang ramai sedia maklum, proses pertawaran Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) ditangguhkan sehingga 31 Mei 2023 untuk memberi peluang kepada orang ramai memberi pandangan lanjut berhubung draf tersebut.

Sehubungan itu, kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan sesi libat urus bersama orang ramai, dikenali sebagai sesi Libat Urus Pindaan Draf PSLK2040.

Sebanyak enam sesi libat urus akan diadakan pada enam hari ditetapkan menurut tarikh yang ditentukan oleh DBKL. Tarikh tersebut ialah pada 18, 19, 23, 24, 25 dan 26 Mei mulai pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Lokasinya di Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyeru orang ramai yang tidak puas hati dengan PSLK2040, atau ingin memberi pandangan serta mendapat penjelasan lanjut mengenainya, agar hadir dalam sesi libat urus tersebut.

Sesi ini amat berguna untuk memberi penjelesan terperinci kepada orang ramai dan menjawab apa kemosyikilan yang bersarang

di minda. Kaedah bersemuka ini adalah lebih baik daripada hanya meluahkan bantahan atau rasa tidak puas hati melalui media tanpa mengetahui inti pati draf berkenaan.

Orang ramai yang ingin hadir dalam libat urus ini perlu mendaftar melalui pautan khas yang disediakan oleh DBKL sebelum atau pada 13 Mei. Hanya yang berdaftar sahaja akan dibenarkan turut serta.

Untuk rekad, PSLK2040 dirangka memandangkan sebahagian dasar PSLK2020 perlu disemak sejajar pembangunan dan perubahan ekonomi yang pesat. Selain itu ia didorong oleh pengenalan dasar-dasar terkini dalam negara dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini.

Seiring itu, PSLK2040 dirumus bagi memandu pembangunan Kuala Lumpur pada masa hadapan. Ia juga untuk memastikan pembangunan di Kuala Lumpur dirancang secara holistik dengan urus tadbir yang cekap.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap orang ramai yang mengambil bahagian dalam sesi libat urus akan memberi maklum balas serta saranan berasas bagi kelancaran pelaksanaan PSLK2040, seterusnya mencapai matlamat draf berkenaan.

Peranan semua warga kota sangat penting dalam memacu pembangunan Kuala Lumpur menurut perspektif yang digariskan. Pembangunan dan kejayaan serta kemakmuran Kuala Lumpur adalah demi kesejahteraan penduduknya. Oleh itu bersama-sama menjayakan PSLK2040.

VISA**MITSUI
OUTLET PARK
KLIA SEPANG**

Belanja & Tebus dengan Visa

Tarikh: 18 April - 20 Mei 2023



Belanja minimum RM300 dan ke atas dengan kad Visa anda untuk menebus Kad Ganjaran **STARBUCKS RESERVE (RM20 Dipramuatkan)!***

*Terhad kepada 2,000 pelanggan pertama yang layak sahaja.

Pembelian yang dibuat pada hari yang sama dengan Visa boleh digabungkan dalam maksimum DUA (2) resit di outlet yang mengambil bahagian di MOP KLIA. Terhad pada SATU (1) penebusan bagi setiap pemegang kad yang layak setiap hari. Penebusan berdasarkan siapa cepat dia dapat, sah sementara stok masih ada.

*Tertakluk pada **Terma & Syarat**.



Nostalgia era surat khabar



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

SURAT khabar kini menjadi suatu yang agak asing dalam kalangan sebahagian besar daripada kita. Malah sudah tidak ada lagi gerai atau kedai yang menjual surat khabar seperti era kegemilangan pada 1990-an dan terawal.

Surat khabar telah pergi daripada rutin hidup kita. Malah ada yang tidak berkesempatan menyaksikan era gemilang punca maklumat utama dan pernah menjadi wadah pejuang menuntut kemerdekaan. Maka bukan mudah untuk mencari surat khabar di Kuala Lumpur pada masa ini.

Tentu banyak yang merindukan era gemilang itu di mana surat khabar ada di serata tempat - di gerai, pejabat, restoran lima bintang malah di hentian bas mini yang berselerak di Kuala Lumpur. Kerinduan pada suatu suasana dan keberadaan surat khabar adalah satu kehilangan.

Suatu ketika dulu, surat khabar menjadi teman warga kota. Di sana sini orang membaca surat khabar dan itu adalah suatu perkara yang biasa. Masa yang terluang sekaliun semasa menunggu bas mini diis dengan membaca surat khabar.

Ketika berada di puncak kegemilangan, gerai menjual surat khabar ada di merata-rata tempat. Boleh dikatakan di pusat bandar Kuala Lumpur penuh dengan gerai surat khabar - di tepi-tepi jalan atau bangunan. Kedaannya lebih meriah berbanding gerai nasi lemak pada hari ini.

Apabila ada berita besar yang dilaporkan oleh televisyen pada petang atau malamnya, pada esoknya suasana di gerai menjual surat khabar menjadi sangat sibuk. Jualan surat khabar tidak ubah seperti pisang goreng panas. Sekejap sahaja rak sudah kosong.

Misalnya ada kes pemimpin yang terlibat salah laku dan didakwa di mahkamah, hampir semua surat khabar meletakkan berita berkenaan di muka depan. Kalau yang bersaiz broadsheet (besar) tajuk berita dietakkan di atas lipatan supaya mudah dilihat ketika digantung.

Di warung teh tarik atau restoran mamak, banyak pelanggan membaca surat khabar masing-masing dan sesekali bertingkah dengan rakan yang duduk di sebelah. Kemudian surat khabar bertukar tangan dan perbualan terus berlegar pada isi yang menggegarkan hari berkenaan.



TEKNOLOGI penerbitan surat khabar hanya memudahkan akan tetapi tidak boleh membendung rempuhan digital yang berlaku pada organisasi surat khabar di seluruh dunia.

Keadaan waktu itu tidak seperti sekarang di mana masing-masing membaca atau tersengih sendirian sambil menatap telefon pintar.

Sebagai salah seorang yang terlibat secara langsung dalam industri persuratkhabaran, keadaan yang sedemikian tentulah sangat membanggakan. Apa lagi kalau keluaran pada hari berkenaan ada tulisan atau berita yang kita tulis, maka perasan semua orang membaca berita itu.

Mengepit surat khabar di celah ketiak atau yang wanitanya mengepit bersama-sama fail di dada adalah satu pemandangan biasa. Surat khabar ada di mananya. Apabila menunggu bas mini, surat khabar dibuka - seperti orang zaman sekarang membuka telefon pintar. Mereka yang pernah melaluinya pasti merindui zaman yang telah berlalu itu. Bagaimanapun kini surat khabar bukan lagi memberi perisa dalam rutin kehidupan sosial kita.

Gambaran tentang zaman itu terakam utuh dalam ingatan. Malah lebih meninggalkan kesan lagi kepada rakan-rakan seperti saya yang ikut bergelumang dalam industri persuratkhabaran sejak awal 1980-an. Itulah dekad kemuncak dan zaman gemilang surat khabar sebagai pembentuk pemikiran rakyat.

Saya ikut berbangga kerana memasuki industri surat khabar dengan kerjaya kewartawanan. Itulah produk yang dihasilkan oleh industri persuratkhabaran di mana

saya dan kawan-kawan wartawan ada dalamnya. Melihat orang menyambut pantas naskhah surat khabar di gerai adalah kegembiraan kami yang tidak dapat digambarkan.

Dua surat khabar Melayu paling dominan ketika itu adalah *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Sementara surat khabar berbahasa Inggeris - *New Straits Times (NST)* dan *The Star*. Selebihnya adalah surat khabar mingguan yang datang dan pergi mengikut arus politik.

Persuratkhabaran menjadi industri yang berpengaruh. Malah mengatasi pengaruh dua saluran televisyen milik RTM dan kemudian muncul stesen televisyen swasta pertama, TV3. Jualan surat khabar terus melonjak kerana kebergantungan masyarakat untuk mendapatkan maklumat.

Pada masa yang sama surat khabar juga menjadi ekosistem penting pada industri pengiklanan. Semua surat khabar merebut untuk mendapatkan iklan yang banyak dengan cara mempertingkatkan jumlah edaran dan pembaca.

Pengiklan tidak ada pilihan kecuali di surat khabar.

Untuk mendapat liputan yang komprehensif terhadap sesuatu isi yang meledak dalam masyarakat, orang akan mencari surat khabar. Televisyen dan radio memang jauh lebih cepat, akan tetapi dikekang oleh masa siaran yang terhad. Maka surat khabar yang terlewati lebih lapan jam daripada masa kejadian tetap menjadi pilihan.

Saya menyaksikan sendiri

suasana sibuk sebelum subuh di kilang cetak di sebelah bangunan utama ibu pejabat *Utusan Melayu*, di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. Lori, van dan motosikal beratur untuk mengambil surat khabar bagi edaran di Lembah Kelang.

Surat khabar diterbitkan dengan menggunakan teknologi lama. Seratus peratus secara manual. Tetapi itulah yang menjulang surat khabar pada zaman gemilangnya. Bagaimanapun selepas teknologi persuratkhabaran yang moden dan canggih, surat khabar pula sudah berada di ambang kejatuhan.

Keadaan yang sedemikian berlaku secara berterusan hingga hari ini. Teknologi penerbitan surat khabar hanya memudahkan, akan tetapi tidak boleh membendung rempuhan digital yang berlaku pada organisasi surat khabar di seluruh dunia, termasuk di negara ini.

Surat khabar *Mingguan Malaysia* pernah mencatatkan jualan lebih 600,000 untuk edisi Ahad pada pertengahan tahun 1990-an. Angka itu adalah yang paling tinggi dalam sejarah persuratkhabaran di negara ini. Ketika saya memimpin editorial *Mingguan Malaysia* pada 2013 hingga meletak jawatan pada 2016, edaran *Mingguan Malaysia* hanya 375,000 naskhah.

Di tengah-tengah antara pertengahan 1990-an dan 2013 adalah kemasukan teknologi digital dalam penyebaran maklumat. Hal itulah yang mengubah dengan drastik kedudukan surat khabar

sebagai punca maklumat.

Saya agak beruntung kerana ketika mula meredah dunia kewartawanan, surat khabar berada pada era kemuncaknya. Biarpun tidak dapat menyelami zaman awal yang dirintis oleh ayahanda-ayahanda wartawan era sebelum merdeka, saya berada pada era mesin cetak jenis lama dan menulis menggunakan mesin taip.

Malah menyaksikan sendiri detik-detik surat khabar berdepan cabaran sengit - kewujudan media dalam talian pada era internet. Lebih tragis lagi menyaksikan beberapa organisasi surat khabar terpaksa mengecilkan saiz malah terpaksa menghentikan operasi.

Teknologi baharu yang datang bersama jaringan maya dari seluruh dunia telah membawa begitu banyak punca maklumat. Tidak kurang juga menjadikan masyarakat tenggelam dalam ledakan maklumat yang mengabunggalinkan antara benar dan palsu.

Mengingatkan zaman gemilang dunia persuratkhabaran adalah kenangan manis yang melukakan. Ia seperti daun-daun yang gugur - suatu yang tidak mungkin berulang seperti sebelumnya. Surat khabar sudah semakin jauh dengan kita.



BASIKAL TUA AYAH

*Basikal tua ayah
meluncur sepi pagi
walaup lenguh berkayuh
ayah bagaikan jaguh*

*Pulang sore
saku seluar ayah terisi
habuan rezeki kami
kesebelasan perut lapar*

*Ayah singgah di kedai sana
bayar hutang lama
dalam buku tiga lima
menyeringai si taukeh
senyum simpati atau perl
ayah berhutang lagi*

*Dalam karung terisi
beras dan cili
bawang dan ikan keli
emak akan masak sedap hari ini*

*Arena kayuhan ayah
akan bersambung esok lagi
begini nasib buruh kuli
demik kelansungan
hidup kami*

HAJAR'UL ASWAD
Kinrara, Selangor.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Mengaktifkan laluan khas bas

DALAM usaha mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu negara serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, saranan dibuat agar diwujudkan laluan khas untuk bas. Tujuannya agar bas bergerak dengan lancar tanpa 'gangguan' daripada kenderaan lain.

Saranan ini ditimbulkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, yang mahu khidmat pengangkutan awam, terutama bas, digunakan secara lebih efisien bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar.

Sehubungan itu beliau mencadangkan laluan khas bas diwujudkan di lebih banyak kawasan di ibu negara di samping memperluas penggunaan sistem 'contraflow' atau laluan bertentangan. Kaedah ini membantu melancarkan perjalanan khususnya pada waktu puncak.

Adi percaya ramai warga kota menerima baik konsep laluan khas untuk bas. Malah sebenarnya ia pernah diperkenalkan suatu ketika dahulu ketika era perkhidmatan bas Intrakota. Kerana itu langkah untuk mengaktifkan semula adalah dialu-alukan.

Sebagai usaha memastikan perkhidmatan yang efektif demi memenuhi harapan orang ramai, pihak Intrakota memohon kepada kerajaan agar diwujudkan laluan khas bas. Ini bagi mengelak bas tidak turut terjebak dalam kesesakan lalu lintas bersama kenderaan lain.

Dengan perjalanan bas lebih lancar, ia dapat mematuhi jadual perjalanan yang ditetapkan. Ini akan mendorong lebih ramai orang awam menaiki bas.

Kerajaan menerima cadangan Intrakota ini kerana melihatnya sebagai usaha menambah baik pengangkutan awam di samping mengurangkan kesesakan di ibu kota keseluruhannya. Matlamat ini boleh tercapai jika lebih ramai meninggalkan kenderaan masing-masing di rumah.

Namun setelah syarikat Intrakota tidak lagi menjadi



MASIH terdapat pengguna jalan raya yang tidak mengendahkan laluan khas untuk bas dan teksi.

pengendali perkhidmatan bas di ibu negara, konsep laluan khas ini secara keseluruhan tidak lagi beroperasi. Tetapi Adi difahamkan masih ada laluan khas bas di kawasan seperti Jalan Ampang dan Jalan Syed Putra.

Apa pun suasanya, bagi Adi, konsep laluan khas menyerlahkan usaha serius kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam di ibu kota dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Sejak lama bas merupakan pengangkutan utama bagi masyarakat ibu kota, baik untuk ke tempat kerja atau apa juga urusan lain. Tambahan ketika itu tidak ada banyak pilihan, kecuali teksi atau bas mini yang kini sudah tinggal sejarah.

Walaupun perkhidmatan bas mini popular suatu ketika dahulu, kerajaan menamatkannya apabila mendapat bas tersebut menambah kesesakan. Di samping itu, pergerakannya yang laju mencelah-celah di antara kenderaan lain demi mengejar trip, membahayakan pengguna jalan.

Kesesakan di ibu negara

yang bertambah serius bulan demi bulan, tahun demi tahun menjadikan perkhidmatan bas, malah teksi juga kurang diminati kerana bas terdedah kepada kesesakan jalan raya.

AKibatnya perkhidmatan tidak efisien. Perjalanan tidak lancar. Pengguna tidak ada jaminan sampai ke destinasi pada waktu yang sepatutnya, semua bergantung kepada pergerakan kenderaan di atas jalan.

Warga kota sangat memahami kesesakan lalu lintas di ibu negara bagi tidak ada hentinya pagi petang, siang malam. Tidak ada hari yang tiada kesesakan. Seringkali pergerakan bagi kurakura, bumper to bumper.

Usaha mengurangkan kesesakan dengan membina jalan baharu atau persimpangan berton-ton serta menambah baik jalan sedia ada, tidak banyak membantu mengatasi masalah kesesakan. Puncanya mudah. Pertambahan kenderaan lebih banyak dan cepat berbanding pembinaan atau penambahbaikan jalan.

Kerajaan telah memandang ke hadapan akan masalah ini. Kerana itu ia meluluskan laluan khas untuk bas Intrakota. Tetapi adakah ia benar-benar efektif? Bagi Adi yang bertahun-tahun menyaksikan perkembangan lalu lintas dan pengangkutan awam di ibu negara, laluan ini dilihat membantu kelincinan pergerakan bas.

Yang menjadi masalah ialah tahap sivil yang rendah di kalangan pengguna jalan raya lain yang tidak menghormati kewujudan laluan bas ini. Mereka menceroboh laluan terutama pada waktu puncak, menyekat kelancaran pergerakan bas.

AKibatnya laluan tersebut

menjadi tidak bermakna apabila bas tersangkut di laluan sendiri. Cuma jika ada pemantauan dan kawalan daripada pihak berkuasa, misalnya polis, baru pemandu lain tidak memasuki laluan.

Sepatutnya kesedaran ini datang daripada diri sendiri tanpa perlu dipantau kerana kelancaran pergerakan bas juga bermakna kelancaran kenderaan lain. Tetapi jika sistem yang ada diganggu, maka masalah kembali ke asal.

Kerana itu Adi berpendapat, jika kerajaan hendak melaksanakan semula sistem laluan khas bas atau menambah yang sedia ada, perlu sangat dipastikan ia benar-benar dihormati oleh pengguna jalan.

Jika penguatkuasaan perlu bagi memastikan operasinya berjaya, maka lakukanlah. Memang pastinya ini akan memerlukan ramai tenaga di sepanjang masa. Tugas ini menjadi lebih sukar apabila ada sikap tidak peduli pengguna. Pantang lepa mereka akan masuk mcelah.

Berbanding dahulu, kini warga kota ada pilihan pengangkutan awam selain bas. Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan monorail kini lebih menjadi pilihan kerana ia mempunyai laluan sendiri dan tidak bimbang tersangkut dalam kesesakan.

Kerana itu orang ramai lebih mudah membuat perancangan waktu untuk bergerak, anggaran sampai ke destinasi lebih tepat. Malah kini sudah ada perkhidmatan MRT menghubungkan Kuala Lumpur dengan Putrajaya.

Dengan itu tidak perlu lagi berkenderaan sendiri ke pusat pentadbiran persekutuan itu. Secara tidak langsung ini membantu mengatasi kesesakan

di Putrajaya dan laluan antaranya dengan ibu negara. Ini adalah usaha kerajaan yang wajar dipuji.

Oleh itu Adi melihat cara yang lebih berkesan mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara ialah dengan membina lebih banyak rangkaian laluan perkhidmatan tren. Dalam perancangan kini ialah pembinaan rangkaian MRT3 yang bakal melengkapkan rangkaian LRT di ibu kota.

Perkhidmatannya merangkumi kawasan Setapak, Danau Kota dan sekitarnya serta bakal bersambung dengan rangkaian LRT sedia ada yang menghubungkan Taman Melati dengan Putra Heights.

Perkhidmatan bas di ibu kota sekarang masih menjadi pilihan ramai warga kota walaupun dalam keadaan ia terpaksa melekat dalam kesesakan jalan raya. Ini terutamanya bagi kawasan di mana tidak terdapat khidmat LRT.

Adi sendiri ingin menyaksikan bas menjadi kaedah pengangkutan pilihan penduduk ibu kota. Tetapi bagi Adi ini hanya akan menjadi kenyataan jika perkhidmatan bas lebih efisien serta memenuhi keperluan seperti yang diharapkan oleh orang ramai.

Oleh itu bagi Adi, usaha mengadakan lebih banyak laluan khas mampu menjadi pemangkin kepada orang ramai menggunakan perkhidmatan bas. Namun pemantauan teliti perlu untuk memastikan laluan tidak diganggu. Orang ramai juga perlu berdisiplin dengan menjauhkan diri daripada laluan tersebut.

Adi—Sesak nafas naik bas mini!

Adi Taah

Sajak

GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI

Terima kasih manusia guru mengajarkan kami erti ilmu membangunkan kami sashiah diri membentuk kami disiplin pertuturan tidak semata dari buku-buku teks tidak semata di bilik-bilik darjah tidak semata di dataran perhimpunan.

Terima kasih manusia guru pada tangannya, kamilah pewaris negara pada tangannya, kamilah generasi harapan pada tangannya, kamilah pembina tamadun.

Terima kasih manusia guru selamat hari guru guru insani pemangkin generasi madani.

ZULKIFLI MOHAMED
Kemaman, Terengganu.

SKETSA SEMASA

Wilayah Ku



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Bakal manfaat Skim Bantuan Awal IPT sebaiknya

Pelajar sebak terima bantuan YWP

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited membantu pelajar yang kurang berkemampuan menerusi Skim Bantuan Awal IPT bagi meringankan beban mereka sebelum melangkah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Terbaharu, empat orang pelajar terpilih teruja menerima bantuan kewangan secara *one-off* yang disifatkan amat membantu mereka untuk membiayai kos persiapan kemasukan ke IPT.

Menurut salah seorang penerima bantuan, **Nur Syuhadah Bahrim**, 20, bantuan yang diperoleh tersebut turut meringankan beban yang di-

tanggung oleh ibunya.

"Setelah ayah meninggal dunia, semua tanggungan termasuk urusan harian kami adik-beradik diuruskan oleh ibu. Bila pihak YWP beritahu saya terpilih untuk menerima skim ini, saya bersyukur, sebak dan gembira."

"Kewangan adalah masalah utama bagi setiap pelajar IPT yang kurang berkemampuan, jadi saya ingin berterima kasih kepada YWP kerana prihatin dengan pelajar di Wilayah

Persekutuan," katanya yang mengikuti pengajian dalam jurusan Diploma Syariah Islamiah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIC).

Sementara itu, Nurul Hasya Husni, 22, pula berkata bantuan

ini akan digunakan untuk membeli keperluan pembelajaran seperti buku dan barang keperluan asas harian di universiti.

"Alhamdulillah syukur, Insya-Allah bantuan ini akan dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk kegunaan pengajian saya," ujar pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Segamat, Johor ini.

Terdahulu, Skim Bantuan Awal IPT adalah bantuan kewangan di bawah inisiatif YWP untuk anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS). **WK**



IBU kepada salah seorang pelajar, Nur Syuhadah Bahrim menerima Skim Bantuan Awal IPT daripada Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama, Teknologi (PESAT), Zahrulail Abdul Rahman di Wisma YWP, pada Rabu.

PTPTN tingkat kesedaran menabung melalui SSPN, elak beban hutang

DIANA AMIR

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini merangka pelan transformasi bagi meningkatkan kesedaran budaya menabung dalam kalangan masyarakat Malaysia bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak.

Sehubungan itu, pihak PTPTN amat mengalau-alukan semua pihak untuk meneroka pelbagai bentuk kerjasama yang lebih beraspadu bagi kepentingan negara dengan menjadikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai pilihan utama untuk pemberian sumbangan dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara.

PTPTN berkata ia juga bagi mengurangkan tahap kebergantungan masyarakat terhadap pinjaman pendidikan



YUSOF Apdal (belakang, empat dari kiri) dan Ahmad Dasuki (belakang, tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime kepada pelajar istimewa di Royale Chulan, Kuala Lumpur.

yang akhirnya menyebabkan masa depan golongan muda terbelenggu dengan beban hutang selepas tamat

pengajian. "Simpan SSPN merupakan produk simpanan pendidikan

yang menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia.

"Antara kelebihan produk ini ialah kadar dividen yang kompetitif, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, perlindungan takaful secara percuma dan simpanan dijamin kerajaan serta patuh syariah," katanya menerusi satu kenyataan baru-baru ini.

Tambahnya Simpan SSPN turut menawarkan pelbagai kempen yang menarik dan bagi memeriahkan sambutan hari raya pada tahun ini sedang berlangsung Kempen Cabutan WOW! Syoknya Raya.

"Kempen tersebut untuk pendeposit Simpan SSPN bermula 1 Mac hingga 31 Mei 2023 di ma-

na hadiah wang tunai berjumlah hampir RM50,000 menanti 23 pemenang. Pembukaan akaun dan penambahan simpanan boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN dengan mudah, cepat dan selamat," ujarnya

Dalam pada itu, PTPTN berkata sebagai agensi yang memperkasa agenda pendidikan tinggi negara, pihaknya sentiasa cakna dan prihatin dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

"Sempena Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2023 baru-baru ini, PTPTN telah memberikan sumbangan CSR berjumlah RM10,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime kepada 20 orang pelajar istimewa," katanya. **WK**

Kibar kain rentang di dasar laut sempena Hari Guru 16 Mei

BAGI meraikan Hari Guru yang disambut pada 16 Mei setiap tahun, Co-opbank Pertama (CBP) mengibarkan kain rentang (*banner*) sepanjang 10 meter di dasar laut.

Ketua Pegawai Eksekutif CBP, **Khairil Anuar Mohammad Anuar** berkata kain rentang tersebut dikibarkan di Taman Laut Pulau Perhentian, Terengganu baru-baru ini.

"Ia merupakan salah satu usaha untuk CBP merakamkan penghargaan kepada warga pendidik di seluruh negara sempena sambutan Hari Guru 2023," katanya menerusi satu kenyataan media.

Tambahnya turut serta dalam misi mengibarkan kain rentang ini adalah penyelam berlesen dalam kalangan guru, murid, penyelam jemputan dan profesional yang turut serta termasuklah Ketua Pegawai Perbankan Runcit CBP, Rafis Makhtar.



KAHIRIL ANUAR



PARA penyelam yang terlibat mengibarkan kain rentang sepanjang 10 meter di dasar laut.

"Program-program ini merupakan di bawah inisiatif CB-Proaktif yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan pendidikan dan

juga CB-Pendidik yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan pendidikan.

"Program ini juga sebagai satu usaha CBP

untuk meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar, lautan dan gaya hidup sihat melalui aktiviti rekreasi sukan selam skuba dan pemuliharaan lautan serta meningkatkan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam marin," jelasnya.

Menariknya Khairil berkata ia turut mendapat pengiktirafan dari pihak Malaysia Book of Records (MBOR).

"Pada program tersebut seramai enam penyelam dari CBP bersama 27 penyelam daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan agensi-agensi yang lain telah berjaya membentangkan kain rentang gergasi berukuran 10 meter di dasar laut.

"Pengiktirafan tersebut telah disahkan oleh wakil MBOR, Lee Pooi Leng yang telahpun menyampaikan sijil pengesahan kepada wakil CBP, Rafis Makhtar," ujarnya.

Turut hadir pada majlis berkenaan Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, Abdul Muie Ngah.

Sebagai rekod, CBP mempunyai 30 buah cabangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

Rodakota

12 - 18 MEI 2023 . Bil 210

Wilayah Ku



Hari Terbuka Parlimen: Peluang kenali badan legislatif Malaysia

HARI Terbuka Parlimen yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia secara besar-besaran pada 6 dan 7 Mei lalu mendapat sambutan menggalakkan daripada seluruh masyarakat Malaysia termasuk pelancong asing.

Ia diadakan berikutan sambutan menggalakkan daripada penganjurannya yang diadakan dalam skala kecil pada tahun lepas.

Bertemakan 'Merakyatkan Parlimen, Warisan Negara', sebanyak 48 pempamer dari pelbagai

kementerian, jabatan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), kedutaan Austria dan kedutaan Palestin serta Bahagian Komunikasi, Parlimen Malaysia mengambil bahagian.

Program tersebut dirasmikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul bersama Yang di-Pertua Dewan Negara, Senator Tan Sri Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





10,000 pengunjung dalam, luar negara meriahkan Hari Terbuka Parlimen 2023



FOTO: PARLIMEN MALAYSIA
HAZIYAH HALIM

DARI MUKA 9

INISIATIF Parlimen Malaysia 'membuka pintu' kepada orang ramai menerusi penganjuran Hari Terbuka Parlimen 2023 bukan sahaja memberi ruang untuk merasai pengalaman kepada orang ramai menjelaskan kaki ke Dewan Negara dan Dewan Rakyat bahkan dapat mengenali lebih dekat tentang sejarah dan peranan institusi itu sebagai badan perundangan tertinggi negara.

Menurut Sekretariat Hari Terbuka Parlimen 2023, **Muhammad Zhafry Hakim Abu Khair**, program tersebut berjaya menarik 10,000 pengunjung dalam dan luar negara sepanjang dua hari penganjurannya.

"Orang ramai yang tidak henti-henti mengunjungi kawasan parlimen terutama pada hari terakhir penganjurannya. Mungkin pada hari pertama iaitu Sabtu lepas ada yang bekerja atau mungkin berkunjung ke rumah sanak-saudara memandangkan kita masih di dalam tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri."

"Walau bagaimapun, pengunjung tetap mencari peluang agar tidak terlepas merasai pengalaman mengunjungi bangunan parlimen ini," ujarnya mereka turut menerima rombongan pelajar sekolah dan universiti.

Mengulas lanjut mengenai program tersebut, Zhafry berkata Hari Terbuka Parlimen 2023 mengetengahkan aspek-aspek warisan negara khususnya pada bangunan parlimen yang digelar sebagai bangunan warisan negara.

"Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menggalakkan orang

ramai mengenali dan mendapat pendedahan tentang sejarah dan peranan parlimen terhadap institusi negara menerusi dua cabang legislatif iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

"Antara keistimewaan Hari Terbuka Parlimen 2023 ini, kita buka peluang kepada orang ramai untuk memasuki Dewan Rakyat dan Dewan Negara menerusi lawatan berpandu yang diadakan sepanjang program berlangsung."

"Selama ini, orang ramai hanya tengok di dalam televisyen atau berita sahaja tetapi melalui lawatan berpandu ini, mereka akan diberi penerangan ringkas tentang fungsi dan bagaimana keadaan sebenar di dalam parlimen selain berpeluang melihat kedudukan

tempat duduk ahli-ahli parlimen setiap kawasan, senator malah mereka juga turut dibenarkan merakam gambar kenangan di kawasan-kawasan tertentu," katanya.

Ujarnya kepada *Wilayahku*, ia merupakan antara aktiviti yang dinantikan oleh seluruh masyarakat Malaysia termasuk pelancong asing.

"Ia turut dimeriahkan dengan sesi syarahan 'pocket talk' bersama Pegawai Tertinggi Parlimen iaitu Setiausaha Dewan Negara, Muhd Sujairi Abdullah yang berkongsi mengenai proses perundangan dan fungsi Parlimen Malaysia."

"Selain itu, kita juga adakan aktiviti seperti permainan tradisional, peragaan pakaian, jualan makanan warisan negara dan *food truck*, bayaran saman

serta pelbagai lagi," katanya.

Bagi memudahkan perjalanan orang awam untuk memasuki kawasan parlimen, Zhaffry berkata pihaknya menyediakan dua bas iaitu bas P) parlimen dan Bas Rapid Kuala Lumpur (KL) untuk membawa pengunjung yang meletakkan kendaraan di kawasan Taman Botani dan KL Sentral.

"*Alhamdulillah*, segalanya berjalan lancar. Kita juga mendapat sokongan bantuan daripada dua buah perkhidmatan bas yang mana Bas Rapid KL mengambil penumpang yang parkir di KL Sentral ke Taman Botani dan seterusnya ke parlimen manakala bas parlimen pula membawa pengunjung dari Taman Merbok dan Tugu Negara," ujarnya yang turut mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada orang ramai di atas kesedian menyokong Hari Terbuka Parlimen 2023.



PENGUNJUNG berpeluang merasai sendiri pengalaman berada di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.





PENGALAMAN yang cukup bermakna bukan sekadar dapat menyertai aktiviti yang disediakan malah dapat banyak pendedahan baharu khususnya mengenai fungsi dan keadaan sebenar parliment. Saya pasti masih ramai yang tidak tahu tentang sejarah bangunan ikonik ini."

**WAN NUR AFIFAH
WAN MUHD PAISAL**
Pempamer

SANGAT teruja apabila dapat menjajakkan kaki ke kawasan parliment dan masuk ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Biasanya kita hanya tonton di berita atau televisyen sahaja tetapi dua hari ini merupakan 'hari tuah' buat seluruh masyarakat Malaysia termasuk pelancong asing."

LOW BEE BEE
Pengunjung

HARI Terbuka Parliment adalah program menarik yang harus diperluaskan kerana ia memberi pendedahan atau pembelajaran baharu kepada generasi muda. Anak-anak saya sangat teruja diberi peluang untuk bertanya sendiri bagaimana menteri bersidang, kedudukan, peraturan dan sebagainya. Kalau ada lagi program ini, sudah pasti saya akan kembali."

RAFIZAH KAMARUDIN
Pengunjung



Produk penghuni 'tirai besi' dapat perhatian

SALAH satu pameran yang menarik perhatian pengunjung tatkala memasuki ruangan Dewan Serbaguna ketika Hari Terbuka Parliment 2023 adalah produk-produk yang dihasilkan oleh banduan.

Menurut Ketua Inspektor Jabatan Penjara Malaysia yang dikenali sebagai **Firdausi**, pelbagai produk diketengahkan namun antara yang mendapat sambutan semasa pameran ini berlangsung adalah produk makanan seperti remperek dan produk fabrik seperti songket, batik dan tenunan Pahang Diraja.

"Jabatan Penjara Malaysia juga terlibat dalam penghasilan biskut raya dan setiap tahun jualan sentiasa meningkat yang mana pada tahun 2023 jualan sebanyak 30,000 balang berbanding tahun lepas sebanyak 14,000 balang.

"Selain daripada biskut raya, produk makanan yang mendapat sambutan adalah produk sejuk beku seperti karipap, donat, cucur badak dan murtabak," ujarnya menjelaskan produk berdasarkan fabrik pula mendapat sambutan kerana kualiti, corak, warna serta teknik yang ditonjolkan.



Dalam pada itu, Firdausi berkata pameran ini turut membuka peluang kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap banduan.

"Jika dahulu masyarakat gelar penjara adalah 'neraka dunia', kini keadaannya sudah berbeza kerana penjara bukanlah tempat penahanan semata-mata tetapi tempat untuk para banduan menuntut ilmu melalui konsep penahanan dan pemuliharan.

"Dalam penjara, setiap banduan perlu mengikuti bidang vokasional yang terbahagi kepada enam bahagian iaitu perkhidmatan, pertanian, penernakhan, fabrik/tekstil, makanan dan pembuatan seperti kerja-kerja lengkel kayu dan besi bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Jumaat," ujarnya.

Tambah Firdausi, melalui latihan kemahiran yang dipelajari, para banduan dapat meneruskan kehidupan apabila dibebaskan berbekalkan ilmu yang telah dipelajari semasa berada dalam tahanan.

"Pihak Jabatan Penjara Malaysia juga berusaha untuk membantu banduan mendapatkan pekerjaan setelah mereka dibebaskan kelak," ujarnya. **WK**



PM lancar Sambutan Ulang Tahun PBSM ke-75



Foto: ARIFF AZMAN
SYUQQREE MOHD DAIN

BERSEMPENA sambutan ulang tahun penubuhan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSSM) ke-75, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meluangkan masa merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-75 BSSM di Ibu Pejabat Kebangsaan BSSM, Jalan Wisma Putra pada 5 Mei lalu.

Sambutan ulang tahun yang berlandaskan tema '75 tahun... Sebuah Kisah Kemanusiaan' tersebut dimulakan dengan aksi perbarisan dan kawalan

kehormat oleh sukrelawan dan anggota belia BSSM.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tunku Temenggong Kedah yang juga Pengurus Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Ibni Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Turut sama Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim. WK



LISC acara tahunan utama di Labuan



Foto: MOHAMMAD KHAIRUL YAKOP/Perbadanan Labuan

DAIWA Deep Sea Challenge atau sinonimnya dikenali sebagai Cabaran Memancing Laut Dalam sempena Labuan International Sea Challenge (LISC) 2023 yang berlangsung pada 9 hingga 14 Mei ini di Pulau Layang-Layang merupakan *anchor event* kepada acara tahunan di Labuan.

Acara pelepasan Daiwa Deep Sea Challenge telah diadakan pada 9 Mei lalu yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Ibrahim Tambi mewakili Ketua Pegawai Eksekutifnya.

Penyertaan melibatkan 200 peserta dengan 21 buah kapal dari dalam dan luar negara iaitu dari Perancis, Kanada, Hong Kong, Australia dan Brunei serta Malaysia sebagai tuan rumah.

Acara ini juga mendapat kerjasama daripada pihak Pangkalan Polis Marin, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Jabatan Laut, Jabatan Pelabuhan, Dermaga Sabah serta jabatan dan agensi kerajaan lain bertanggungjawab melakukan pemantauan sepenuhnya yang telah dilantik oleh Perbadanan Labuan (PL) selaku pengaruh. **W.K**





Kes dera kanak-kanak OKU beri keinsafan

KEPUTUSAN mahkamah berhubung kes penganiayaan terhadap kanak-kanak perempuan sindrom Down berusia 13 tahun yang dikenali Bella baru-baru ini, turut mendapat reaksi positif dalam kalangan selebriti.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun terhadap Pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali atas dua pertuduhan mengabai dan menganiaya Bella, dua tahun lalu.

Bagi artis popular iaitu Datin Alyah, Baby Shima, Izzue Islam dan Zaiton Sameon, menyifatkan keputusan mahkamah itu suatu kemenangan kepada pejuang 'Justice For Bella' dan diharapkan menjadi iktilar.



"Binatang pun sayangkan anak" — Zaiton Sameon

PENYANYI yang popular dengan lagu Menaruh Harapan, **Zaiton Sameon** menyeru kepada ibu bapa agar menjadikan kes Bella sebagai iktilar. Baginya, anak anugerah Allah yang perlu dijaga sebaik-baiknya.

"Bukan semua pasangan suami isteri dikurniakan anak. Ada yang berpuluhan tahun kahwin, namun tiada rezeki. Manakala mereka yang ada anak, sesetengahnya boleh pula dera anak. Memang tak reti bersyukur."

"Peranan ibu bapa adalah melindungi anak-anak daripada ancaman atau apa sahaja yang menyakitkan. Bukanlah dera anak untuk melepaskan geram atau stres."

"Saya selalu dengar kes, apabila stres saja anak jadi mangsa. Kenapa ya? Anak tak berdosa menjadi mangsa. Binatang pun sayangkan anak dan berusaha melindungi mereka daripada ancaman atau bahaya."

"Gunalah akal tu sebelum bertindak. Jangan ikutkan hati. Semua orang ada masalah, tapi kawallah emosi dan dekatkan diri dengan tuhan. Pasti ada jalan untuk selesaikannya," ujarnya.

ZAITON SAMEON



DEEL ANJER



"Kena ada sikap ambil peduli" — Baby Shima

PENYANYI lagu dangdut popular, **Baby Shima** berharap masyarakat mengambil iktilar daripada kes Bella dengan bersikap ambil peduli.

"Bagi saya, keselamatan kanak-kanak bukan hanya tanggungjawab ibu bapa semata-mata. Sebaliknya jiran tetangga atau orang sekeliling harus memainkan peranan juga."

"Kalau ada penderaan terhadap kanak-kanak atau ada perkara yang merugui, kena ambil sikap peduli. Jangan cakap, 'tak apalah anak orang. Buat apa nak ambil tahu'. Tak boleh macam tu."

"Keselamatan kanak-kanak perlu difokus oleh semua pihak. Biarlah orang kata, suka jaga tepi kain orang pun. Apa yang penting, kita menjalankan tanggungjawab sebagai jiran yang baik."

"Jangan kanak-kanak tu sudah teruk kena dera, baru nak buat laporan polis. Kalau boleh cegah dari awal. Jangan ada rasa takut," ulasnya.



BABY SHIMA

"Didik anak ikut sunah Rasulullah SAW" — Izzue Islam

SELEBRITI serba boleh, **Izzue Islam** berharap kes Bella terus menjadi ingatan buat penjaga kanak-kanak bahawa penderaan itu adalah kesalahan yang termaktub dalam undang-undang.

Izzue juga mencadangkan mencontohi teladan junjungan mulia Rasulullah SAW dalam mendidik anak.

"Saya lihat keputusan mahkamah yang berpihak kepada Bella adalah satu 'amaran' buat mereka yang masih mendera atau ada niat untuk berbuat zalim kepada kanak-kanak."

"Saya selalu dengar ada yang cakap, masing-masing ada cara mendidik anak. Fahamkan dulu maksud mendidik itu, bukannya mendera."

"Dalam Islam ada mengajar cara mendidik anak sesuai dengan umurnya dan zaman."

"Bagi umat Islam, contoh teladan yang terbaik adalah Rasul junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW. Baginda umpsama ensiklopedia sebagai penyuluhan buat segenap manusia."

"Saya akui ada banyak tip daripada pakar motivasi atau mereka yang berkaitan, namun apa yang terbaik adalah sunah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW," jelas Izzue.



IZZUE ISLAM



DATIN ALYAH

"Kemenangan memberi inspirasi" — Datin Alyah

PELANTUN lagu Thank You Allah, **Datin Alyah** melihat kemenangan yang berpihak kepada Bella menjadi inspirasi kepada masyarakat untuk terus memandang serius terhadap kes penderaan kanak-kanak.

"Saya antara orang yang mengikuti perkembangan kes adik Bella ni. *Alhamdulillah*, akhirnya nasibnya terbela. Allah itu Maha Kaya. Kesabaran masyarakat dua tahun untuk melihat keadilan buat adik Bella berbaloi."

"Kemenangan itu juga memberi inspirasi kepada masyarakat supaya menjadi mata dan telinga bagi memantau supaya tidak berlaku penganiayaan terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU)."

"Walaupun kemenangan ini bukanlah pengakhiran kerana masih ada kes penderaan kanak-kanak, sekurang-kurangnya ia memberi ingatan kepada semua bahawa penderaan itu satu jenayah dan boleh dikenakan hukuman penjara."

"Bayangkan kalau keputusan tidak berpihak kepada adik Bella, sudah tentu akan ada yang memandang enteng pada isu penderaan. Agak sukar untuk masyarakat mengambil iktilar jika tiada hukuman dijatuhkan."

"Kepada mereka yang pernah mendera anak atau kanak-kanak, hentikanlah kerana perbuatan anda diperhatikan. Lambat-laun orang akan tahu juga."

"Insaallah sebelum meringkuk dalam penjara. Hukuman satu hal, penderaan juga dosa apakah lagi apabila berlaku kecederaan," ujarnya. **WK**



Destinasi wajib bermain layang-layang di Labuan



KHAIRUL IDIN

SINONIM dengan namanya, Pantai Layang-Layangan merupakan lokasi bermain layang-layang yang terkenal di Labuan. Malah kawasan ini juga telah pun digazetkan sebagai Tapak Pesta Layang-Layangan oleh Perbadanan Labuan.

Untuk itu, ia menjadi lokasi utama bagi pengunjuran pertandingan layang-layang yang diadakan pada setiap tahun di sini.

Terletak lebih kurang 11 kilometer (km) dari bandar Labuan, Pantai Layang-Layangan bukan sahaja cantik dengan pemandangan matahari terbenam bahkan setiap kali tiba hujung minggu, ia turut menjadi

tumpuan utama pengunjung bersantai bersama kaum keluarga.

Tinjauan *Wilayahku* baru-baru ini mendapati kebanyakan pengunjung tidak melepaskan peluang bermain layang-layang yang dibeli di sekitar kawasan pantai tersebut.

Menurut seorang pengunjung, **Kassim Abdul Wahab**, 44, dia dan keluarganya sering berkunjung ke pantai tersebut kerana ia memiliki kawasan lapang yang strategik untuk menerbangkan layang-layang.

"Saya selalu membawa anak-anak



KASSIM



ANDISALMIAH

bermain pada waktu petang kerana cuaca agak redup dan keadaan angin juga sangat sesuai untuk bermain permainan tersebut.

"Melihat layang-layang terbang tinggi membuatkan kami cukup puas selain menikmati suasana nyaman tiupan angin pantai," ujarnya ketika ditemui *Wilayahku*.

Sementara **Andisalmiah Kasau**, 29, pula berkata harga layang-layang di situ amat berpatutan selain menghimpunkan pelbagai pilihan yang menarik dan berwarna-warni.

"Kalau di tempat lain lebih mahal,

jadi kalau nak main layang-layang memang saya akan ke sini. Lokasi ini sangat sesuai untuk beriadah dan bersantai lebih-lebih lagi hujung minggu.

"Bukan itu sahaja, di sini juga lengkap dengan pelbagai fasiliti selain mudah untuk membeli

makanan kerana terdapat banyak gerai jualan yang menghimpunkan aneka juadah seperti kuil-muih, air dan sebagainya," katanya.

Selain bermain layang-layang, pantai ini juga menjadi lokasi tarikan untuk melihat matahari terbenam di Labuan. Rugi seandainya melepaskan peluang untuk menyaksikan keindahan tersebut.

Malah ia juga menjadi lokasi pilihan pasangan pengantin untuk mengabadikan foto kenangan bersama yang tersanggup sempena meraikan hari bersejarah mereka.

LEBIH 100 LAYANG-LAYANG TERJUAL

MENURUT peniaga layang-layang, **Alai Mohd Daud**, 52, sambutan pengunjung terhadap permainan tersebut amat menggalakkan pada setiap hujung minggu terutama musim cuti umum.

"Jualan layang-layang pada setiap hujung minggu boleh mencapai lebih 100 keping mengikut jenis dan saiz. *Alhamdulillah* ia menjadi sumber pendapatan saya untuk menyara keluarga.

"Biarpun ia menjadi pilihan ramai namun saya akan pastikan kualiti layang-layang yang dijual adalah terbaik, tidak mudah koyak dan sebagainya. Malah pilihan warna juga sangat menarik," ujarnya.

Katanya lagi, layang-layang yang dijual bukan hanya disukai kanak-kanak bahkan turut menjadi pilihan golongan dewasa," ujar Alai. **WK**



ALAI di gerai jualan layang-layangnya.



Makanan suku kaum Semai persis lemang



HAZIRAH HALIM

BAGI anda yang menggemari lemang pastinya akan tertarik apabila merasai makanan masyarakat Orang Asli daripada suku kaum Semai yang dimasak seakan makanan tradisional masyarakat Melayu itu.

Suku kaum ini turut menjadikannya sebagai sumber makanan apabila mereka berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain (nomad).

Justeru itu, Jungle School Gombak Malaysia tampil memperkenalkan makanan tradisi suku kaum itu

kepada masyarakat umum yang masih mengekalkan konsep tradisional iaitu masak menggunakan buluh di atas bara api.

Berkongsi mengenai makanan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Jungle School Gombak Malaysia, **Major Kalam Pie** berkata cara masakannya adalah lebih kurang sama dengan lemang tetapi bahan-bahannya berbeza.

"Proses memasak nasi menggunakan batang buluh ini lebih kurang sama dengan masak lemang namun ia tidak menggunakan santan sebaliknya menggunakan beras padi huma bersama campuran pelbagai bahan lain seperti ubi kayu, ayam atau

ikan serta jagung yang telah disagat.

"Cara memasaknya mudah iaitu beras yang telah dibasuh diletakkan di atas daun lerek lalu dibungkus mengikut kesesuaian saiz batang buluh itu. Kemudian, masukkan air sehingga memenuhi ruas buluh dan masak di atas bara api selama satu jam.

"Di atas buluh itu kita perlu sumbatkan daun supaya nasi dalam buluh itu lebih masak dan tidak lembik. Akan tetapi, buluh ini tidak boleh biarkan masak begitu sahaja



MAJOR KALAM

sebaliknya ia perlu dipusing-pusingkan agar nasi masak sepenuhnya sehingga buluh bertukar menjadi warna coklat," ujarnya.

Katanya lagi, jika warna buluh sudah berubah coklat, ia menandakan nasi di dalam buluh itu telah masak sepenuhnya dan buluh tersebut

boleh ditunggangkan untuk mengeluarkannya.

Campuran pelbagai bahan yang digunakan di dalam makanan ini adalah mengikut kehidupan suku kaum Semai yang mengamalkan ekonomi tradisional

berasaskan pertanian sara diri.

"Mereka gemar bercucuk tanam seperti jagung, ubi kayu, pisang, keladi, labu dan sebagainya. Jadi disebabkan inilah mereka menggabungkan segala khasiat makanan seperti karbohidrat, protein dan vitamin dalam satu makanan," katanya kepada *Wilayahku* ketika ditemui di pameran Jualan Makanan Warisan Negara di Hari Terbuka Parlimen, baru-baru ini.

Katanya lagi, kebiasaan mereka ini dibuat bergantung kepada aktiviti pelajar seperti kem motivasi dan sebagainya namun sebarang tempahan atau maklumat lanjut boleh layari laman sesawang www.jungleschoolgombak.com. **W.K**



YANG di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul berkesempatan untuk menikmati hidangan istimewa dari Jungle School Gombak semasa mereka mengadakan gerai pameran sempena Hari Terbuka Parlimen baru-baru ini.

Kempen Pembiayaan
Peribadi-i X-Change 2023

Tempoh Kempen:

1 Mac 2023 – 31 Disember 2023

RAYA

Lebih Bermakna

Penangguhan
bayaran selama
3 BULAN

Nikmati kadar pembiayaan
serendah KAS* + 2.80% setahun
setara Kadar Tetap

2.93%
SETAHUN

PROGRAM PENYATUAN KREDIT
disediakan

Pembiayaan sehingga
RM400,000

TIADA
deposit sekuriti

Kelulusan
24 JAM**

RM100
e-baucar
MYDIN

RM50
waqaf
FELDA

Perlindungan
Kemalangan Diri



Untuk masa terhad sempena Ramadan dan Raya
bermula dari **1 Mac 2023 hingga 31 Mei 2023*****



Nota Penting:

- * Kadar Asas Standard (KAS) semasa ialah 2.75% setahun.
- ** Tertakluk kepada maklumat lengkap dan dokumen sokongan untuk penilaian kredit.
- *** Tertakluk pada terma dan syarat.
- Baucar ini tertakluk pada ketersediaan stok dan atas dasar siapa cepat dia dapat.
- Pemohon akan menerima sumbangan Waqaf RM50 (untuk Beragama Islam) atau Perlindungan Peribadi sehingga RM30,000 (untuk bukan Beragama Islam) dengan jumlah pembiayaan minima daripada RM10,000 sehingga RM99,999.
- Pemohon akan menerima e-baucar MYDIN RM100 dengan pembiayaan minima RM100,000 dan ke atas.

Sentiasa Mengiringi Anda

Imbas kod QR untuk
memohon melalui
FAST



Tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen



03-2096 3000

www.mbsbbank.com



MBSB Bank

DR MOHD ANUAR RAML

AZIMNYA Aidilfitri hanya disambut pada 1 Syawal sahaja di seluruh dunia. Akan tetapi bagi masyarakat Islam di Malaysia, tradisi ini dilanjutkan sepanjang bulan Syawal. Ia diwarnai dengan tradisi rumah terbuka.

Pun begitu, turut menjadi trend pada masa kini ramai yang mengambil kesempatan bagi meraikan cuti panjang Aidilfitri bersama keluarga dengan bercuti di pusat pelancongan dalam dan luar negara selain ada juga yang tidak dapat meraikan lebaran kerana tuntutan kerja atau hal-hal yang lain.

Pelbagai situasi yang berlaku ini menjadi sebab kenapa pintu rumah mereka ditutup dan tidak dapat dizerahi pada hari raya. Jadi sebagai gantinya, satu hari dalam bulan Syawal akan diperuntukkan untuk melayan dan menjamu tetamu dengan mengadakan rumah terbuka.

Secara asasnya, amalan rumah terbuka ini merupakan urut atau kebiasaan masyarakat Islam di Malaysia. Dalam amalan tradisi ini, ia umpsama sebuah majlis kenduri atau jamuan makan yang diadakan dalam bulan Syawal dengan tujuan untuk mengeratkan tali silaturahim.

Urut yang baik (sahih) ini menjadi kebiasaan bagi kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia.

Dalam hal yang berkaitan menjamu orang makan ini, Nabi SAW telah menyenaraikan amalan ini sebagai sebahagian ciri-ciri calon ahli syurga.

Betapa besarnya kelebihan memberi orang makan dan meraikan tetamu yang hadir ke rumah. Nabi SAW bersabda: 'Wahai sekalian manusia! Sebarkanlah salam, berikan makan, solatlah pada waktu malam ketika manusia lain sedang tidur, kamu akan masuk ke syurga dengan selamat.' (HR al-Tirmizi)

Dalam redaksi hadis Nabi SAW yang lain, Nabi menyenaraikan amalan memberi orang makan sebagai amalan yang terbaik dalam Islam. Hadis Nabi SAW:

Raih reda Allah ketika anjur rumah terbuka



MENJAMU tetamu digalakkan dalam Islam. -Gambar hiasan

'Ada seseorang yang bertanya kepada Nabi, Islam bagaimanakah yang lebih baik? Nabi menjawab, memberi makan dan memberi salam baik kepada orang yang kamu kenal atau tidak.' (HR al-Bukhari dan Muslim)

Terdapat dua perkara yang menunjukkan penghayatan Islam yang terbaik sama ada dari aspek perbuatan iaitu memberi makan kepada orang lain, bagi menguatkan tubuh badan dan dari aspek perkataan iaitu mengucapkan salam sama ada kepada orang yang dikenali atau tidak.

Selaras dengan itu, amalan meraikan tetamu dengan menyediakan jamuan makanan adalah sebahagian daripada tindakan yang digalakkan dalam

Islam. Ia boleh dilakukan dalam skala yang besar atau kecil, dalam pelbagai situasi tanpa terikat dengan ikatan masa sama ada dalam bulan Syawal atau luar Syawal.

Namun begitu, dalam masyarakat Islam di Malaysia, tradisi rumah terbuka lebih khusus diadakan dalam bulan Syawal sempena meraikan Aidilfitri.

Selain itu, dalam mengadakan rumah terbuka, tuan rumah atau pengajur perlu memastikan bahawa tiada perkara yang melibatkan larangan syarak atau maksiat dan dosa. Pertama, tiada perkara yang melalaikan sehingga meninggalkan yang fardu. Dengan kata lain, kesibukan dalam melayani tetamu dan keasyikan tetamu

dalam menikmati makanan yang dihidangkan tidak melalaikan mereka dari mengerjakan solat fardu.

Kedua, tiada pergaulan tanpa batasan. Tetamu yang hadir tidak terlibat dalam pergaulan bebas yang dilarang syarak hingga mendorong kepada nafsu syahwat dan perbuatan zina.

Ketiga, tiada pembaziran yang melampau sama ada di pihak tuan rumah dan tetamu. Di pihak tuan rumah, makanan dan minuman yang disediakan adalah halalan toyibban dan tidak berlebihan hingga menyebabkan terpaksa dibuang akibat tidak habis.

Manakala di pihak tetamu, makanan yang diambil tidak melebihi kapasiti perut hingga

terpaksa ditinggalkan di atas meja. Keempat, tiada hiburan yang berlebihan hingga menyebabkan kelalaian dan meninggalkan kefarduan.

Jelasnya, di sebalik galakan untuk menjamu orang makan dan dijanjikan syurga, Islam turut bertegas dalam isu yang berkaitan dengan pembaziran kerana Allah SWT tidak menyukai orang yang membazir. Ini kerana dalam Al-Quran, gesaan ini disebut dalam ayat 31, surah al-A'raf: 'Dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.'

Bahkan perbuatan ini bertentangan dengan objektif sambutan Aidilfitri bagi meraikan kemenangan mengatasi rasa lapar dan dahaga di siang hari selama sebulan. Sewajarnya ia menimbulkan keinsafan dalam baki sebelas bulan yang lain.

Sebagai kesimpulannya, tradisi rumah terbuka ini merupakan amalan unik yang terdapat di Malaysia dan tidak terdapat di tempat lain. Ia merupakan satu bentuk urut setempat di Malaysia. Amalan ini bersifat baik jika ia selari dengan tuntutan syariat dan tiada perkara yang dilarang syarak sebaliknya ia boleh menjadi amalan yang tidak baik jika wujudnya perkara yang diharamkan.

Oleh itu, bagi melestarikan tradisi ini dalam masyarakat Islam, setiap larangan syarak perlu dihindari agar objektif sambutan Aidilfitri dan tujuan menjamu makan kepada orang ramai untuk mencapai keredaan Allah SWT dapat diraih, sekali gus termasuk dalam amalan yang membawa ke syurga dapat dicapai.

Penulis merupakan Profesor Madya Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajaran Islam di Universiti Malaya.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

Acara memancing laut dalam jadi tumpuan sempena LISC 2023



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERTANDINGAN Memancing Laut Dalam DAIWA 2023 merupakan antara kategori yang mencatatkan penyertaan paling tinggi pada Labuan International Sea Challenge (LISC) 2023.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Ismail**, Perbadanan Labuan (PL) menerima penyertaan seramai 213 peserta

yang melibatkan 21 buah kapal.

"Selain peserta dalam negara, kita juga menerima peserta luar negara antaranya dari Perancis, Kanada, Hong Kong dan Australia," ujar beliau yang turut menjangkakan lebih 20,000 pengunjung dari luar datang ke pulau tersebut untuk menyaksikan LISC 2023 yang berlangsung pada 9 hingga 14 Mei ini.

Tambah beliau, hadiah kali ini yang merupakan peralatan memancing turut ditaja oleh Japanese Tackle Company (DAIWA) dengan jumlah tajaan yang lebih tinggi berbanding sebelum ini.

"Sebagai pihak penganjur, kita berharap semuanya berjalan lancar dan jayanya sehingga hari terakhir kerana segala persiapan rapi dari segala aspek sangat diberi perhatian," kata beliau.

Dalam pada itu, Rithuan berkata antara cabaran lain yang menjadi perhatian ialah Cabaran Renang Merentasi Labuan, Cabaran Kayak Mengelilingi Labuan, bot laju selain pertandingan Tiktok Most Creative LISC 2023, mencandat sotong dan karaoke.

Terdahulu, jumlah hadiah keseluruhan LISC 2023 dianggarkan sebanyak RM240,000. **WK**



PARA peserta pertandingan Memancing Laut Dalam memulakan cabaran pada Selasa lalu dan akan berakhir Ahad ini.

Atlet Labuan raih pingat perak di Sukan SEA Kemboja



SKUAD Karate Malaysia meraih pingat perak menerusi atlet Muhammad Aiqal Asmadie bagi acara Kata Individu Lelaki.

Atlet berusia 19 tahun itu terpisah dari emas pada pusingan akhir dengan perbezaan 0.2 mata berbanding juara dari Indonesia.

Meskipun kecewa atas kekalahan tipis, ia merupakan pencapaian yang membanggakan setelah berjaya memperbaiki rekod

gangsa pada Sukan SEA di Vietnam yang lalu.

Ia merupakan penyertaan kedua Aiqal bagi edisi Sukan SEA. Turut mengiringinya Jurulatih Kata Negara, Sensei Mohd Norfarhan Nordin yang juga dari Labuan. **WK**

AKSI Muhammad Aiqal di Sukan SEA Kemboja.

Operasi Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan dinaik taraf

PENGOPERASIAN Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan kini dalam proses penambahan keselesaan pengguna oleh pihak pengurusan baharu LDA Holding Sdn Bhd (LDAH).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Noor Halim Zaini**, beberapa perubahan telah dilaksanakan dengan mengutamakan aspek keselamatan, keselesaan termasuk dalam urusan penjualan tiket yang lebih teratur dan mesra pelanggan serta bilangan pelayaran yang lebih kerap bagi memenuhi permintaan pengguna khususnya pada musim perayaan.

"Dengan perubahan dan penambahan ini diharapkan para pengunjung atau pelawat akan lebih teruja menggunakan pengangkutan laut menerusi Terminal Feri Penumpang Antarabangsa

Labuan," katanya kepada Wilayahku.

Halim berkata penambahbaikan tersebut mula dilaksanakan selepas pelantikan baharu Ahli Lembaga Pengarah LDAH baru-baru ini.

"Pihak kami telah berusaha dan berjaya menambah bilangan kekerapan bot laju penumpang dari Labuan ke Menumbok Labuan dan Sipitang semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

"Ia melibatkan lebih 34,000 pengguna yang keluar dan masuk melalui Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan sekali gus dapat mengelakkan kesesakan yang melampau," ujarnya.

Di samping itu, pihaknya juga akan terus berusaha menyediakan kemudahan yang lebih baik sejajar dengan cita rasa pengguna dan keperluan semasa. **WK**



TERMINAL Feri Penumpang Antarabangsa Labuan kini lebih selesa.

PERADUAN MEWARNA PM210



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM210".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **20 MEI 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 212.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK210



MELINTANG

1. Burung yang menyerupai itik
5. Kerenah/tingkah laku
7. Cetek/tohor
9. Simpanan wang di bank

KE BAWAH

1. Sebuah ibu negara di Timur Tengah
2. Alat menangkap ikan
3. Bangga/besar hati
4. Beredar mengelilingi bumi
6. Menumpang tidur
8. Amerika Syarikat

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK210".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **20 MEI 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 212.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 208

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM208:

NUR DHIA KAYLA
(8 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

AFEEQ AMIRULLAH ABDUL RAHMAN
(12 tahun)
Dengkil, Selangor

MUHAMMAD HAQIMI ASYRAF
(9 tahun)
Desa Tun Razak, Kuala Lumpur



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK208:

MOHD AIZAUDDIN JAAFAR
(32 tahun)
Ampang, Selangor

SITI NORBAYA SHAHARIL
(39 tahun)
Wangsa Melawati, Kuala Lumpur

ABDUL GHAFFAR OMAR
(47 tahun)
Presint 14, Putrajaya





*Inilah
Masanya !
cuti-cuti Malaysia
Bersama Keluarga Tersayang*

Kuala Lumpur

Terokai keindahan dasar laut di kota.
Inilah masanya!

cuti-cuti
MALAYSIA



Imbas Kod QR untuk
Risalah Digital Interaktif

GET IT ON
Google Play

Download on the
App Store



www.malaysia.travel



Ikuti kami: Malaysia Truly Asia

Program Terapi Alam galak gaya hidup sihat

DIANA AMIR

PERBADANAN Putrajaya (PPj) melalui Seksyen Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya akan mengadakan enam siri Program Terapi Alam @ Putrajaya bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat.

PPj berkata program tersebut akan bermula pada 28 Mei ini dan kemasukan adalah percuma buat semua warga Putrajaya mahupun luar.

"Ia dilaksanakan bagi mengurangkan tekanan komuniti Putrajaya selaras dengan hasrat untuk membentuk Putrajaya ke arah Bandar Mampan dan Komuniti Lestari.

"Kemasukan program ini adalah secara percuma. Sila imbas Barcode untuk membuat pendaftaran bagi penyertaan program ini," katanya menerusi satu hantaran di laman rasmi Facebook PPj baru-baru ini.

Tambahnya setiap siri adalah terhad kepada 60 peserta sahaja bermula pukul 8 pagi sehingga 1 petang.

"Siri pertama akan bermula pada 28 Mei 2023 di Taman Saujana Hijau, Presint 11 diikuti 17 Jun, 15 Julai, 30 Julai, 12 Ogos dan siri keenam iaitu terakhir akan diadakan pada 26 Ogos bertempat di Taman Cabaran, Presint 5," jelasnya.

PPj berkata pelaksanaan Program Terapi Alam@Taman-Taman di Putrajaya ini mencapai 4 Matlamat



PROGRAM Terapi Alam bersama Orang Kurang Upaya yang diadakan pada tahun lalu.

Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu SDG 3: *Good Health and Well-Being*, SDG 11: *Sustainable Cities and Communities* dan SDG 17: *Partnership For The Goals*.

Berkongsi mengenai objektif utama program PPj berkata antaranya adalah bagi mewujudkan program yang selaras dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

"Selain itu, ia bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat bagi mengurangkan tekanan komuniti Putrajaya selaras dengan hasrat untuk membentuk Putrajaya ke arah Bandar Mampan dan Komuniti Lestari; Meningkatkan Indeks Kebahagiaan (*Happiness Index*) komuniti Putrajaya dan meningkatkan peratusan

kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana ianya diambil kira dalam Penarafan Bintang (*Star Rating*) PBT dalam Kategori Bandaraya.

"Objektif lain adalah untuk memperkenalkan dan mempromosi taman-taman di Putrajaya dengan mengadakan pelbagai program yang selaras dengan aktiviti taman serta memberi pendedahan pendidikan dan pengetahuan berhubung flora dan fauna yang terdapat di Taman-Taman Putrajaya," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh hubungi Seksyen LA21 Putrajaya atau hubungi di talian **013-380 9308/ 03-8887 7293** (Naseer) atau **03-8887 7458** (Ima). WK

PROGRAM TERAPI ALAM PUTRAJAYA 2023

SIRI	TARIKH	LOKASI
Siri 1	28 Mei 2023	Taman Saujana Hijau, Presint 11
Siri 2	17 Jun 2023	Taman Wetland, Presint 13
Siri 3	15 Julai 2023	Taman Rimba Alam, Presint 15
Siri 4	30 Julai 2023	Taman Warisan Pertanian, Presint 16
Siri 5	12 Ogos 2023	Taman Botani, Presint 1
Siri 6	26 Ogos 2023	Taman Cabaran, Presint 5

- Masa: 8:00 Pagi – 1:00 Petang
- Penyertaan adalah PERCUMA
- Terhad kepada 60 Peserta (Setiap Siri)

HUBUNGI URUS SETIA:
Seksyen Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya
013-3809308 / 03-8887 7293 (En. Naser)
03-8887 7458 (Pn. Ima)

www.ppj.gov.my

Pengunjung berpeluang memancing dan bersantai di Anjung Floria

TERUJA. Orang ramai dibenarkan untuk memancing menggunakan konsep tangkap and lepas di kawasan Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Selain aktiviti memancing, mereka juga boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti berbasikal, berkelah, bermain pantai, mandi-manda di

Pantai Floria, berkayak serta bersantai sambil menikmati hidangan di kafe yang terdapat di sisiran tasik.

Terdahulu, Anjung Floria merupakan antara kawasan tumpuan pengunjung beriadah bersama keluarga pada hujung minggu. WK



ANTARA reaksi pemancing yang berjaya mendapat habuan di persisiran Anjung Floria.

CO SPONSORED BY:
Jabatan Kecemasan & Trauma Hospital Putrajaya
PERSATUAN PERUBATAN KECEMASAN PUTRAJAYA
College of Emergency Medicine Malaysia
BEMC

OSCC FUN RUN 5KM

Date: 27th May 2023
Venue: Hospital Putrajaya
Flag Off: 7:00 A.M.

Fee:

Child	: RM 30*
Early bird**	: RM 50*
Normal price	: RM 60*

*excluding 6% registration fee
**til 1st May 2023

Entitlement:

- Medal
- T-shirt
- E-certificate
- also chance on winning lucky draw prizes

One Stop Crisis Centre (OSCC) is one of the services provided by the Emergency and Trauma Department in all Ministry of Health hospitals in Malaysia to assist the survivors or victims of crisis with the involvement of multiple agencies under one roof to fight against any forms of violence such as rape, child abuse, sodomy and domestic violence.

OSCC Fun Run aims to increase awareness regarding the presence of OSCC as a medium for victims to seek help.

Register now and be a part of the community that cares!

For more inquiries:
Adli : 013-8987295
Fatihiyeh : 013-3323162

bitly/oscc2023

Fokus latihan, sertai lebih banyak kejohanan

Irfan azam mahu sertai skuad negara

DIANA AMIR

SETIAP atlet pasti mensasarkan pentas tertinggi dalam memperkenalkan aksi mereka, begitu juga dengan atlet muda Wilayah Persekutuan, Muhammad Irfan Daniel Md Sham, 19, yang menyimpan hasrat untuk diletakkan dalam skuad Malaysia bagi Sukan SEA akan datang.

M u h a m m a d Irfan berkata pencapaian naya meraih tempat ketiga di SUKMA XX MSN 2022 m e m b u a t k a n dirinya bersemangat untuk meneruskan langkah di dalam sukan petanque ini.

"Kejayaan di SUKMA XX tempoh hari memberi saya dorongan serta semangat untuk sentiasa melakukan terbaik agar dapat mewakili skuad Malaysia dalam temasya Sukan SEA yang akan diadakan pada 2025 nanti menerusi sukan petanque ini."

"Bagi saya, selagi saya aktif dalam sukan petanque ini, selagi itu peluang untuk pergi lebih jauh dalam sukan ini sentiasa ada, yang penting kena konsisten," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, anak bongsu dari-pada dua orang adik-beradik ini



AKSI Muhammad Irfan ketika SUKMA XX MSN 2022.

berkata meskipun dirinya tidak menyertai mana-mana kejohanan dalam masa terdekat namun dia sentiasa melakukan latihan pada waktu lapang bagi memastikan momentum dan stamina berada pada tahap yang baik.

"Saya mula minat sukan ini ketika pertama kali menyertai Kejohanan Petanque Angkasa

Peringkat Negeri di mana saya telah dinobatkan sebagai johan. Sejak dari itu, saya meletakkan sasaran untuk menyertai skuad Wilayah Persekutuan (WiPers) bagi temasya SUKMA XX.

"Saya memilih sukan ini berbanding sukan yang lain kerana bagi saya komuniti petanque di Malaysia sangat mesra," ujarnya yang mula

menceburu sukan itu sejak usia 14 tahun.

Tambahnya dia turut mengidolakan pemain Selangor, Ayzek Hakimi Safinjan kerana kejayaan yang diperolehi beliau di usia yang muda.

"Ayzek seorang yang rendah diri, mudah mesra serta tidak lokek berkongsi ilmu dengan pemain lain berkenaan sukan ini," ujarnya.

Pencapaian Muhammad Irfan

2022 - SUKMA XX - Tempat ketiga

2022 - Kejohanan Petanque Double Antarabangsa - 16 terbai

2022 - Kejohanan Petanque Berkumpulan - Tempat ketiga

Dalam pada itu, pelajar jurusan sains komputer di Kolej Matrikulasi Selangor ini berkata buat masa ini fokusnya adalah untuk menamatkan pelajaran terlebih dahulu.

"Kini saya sedang melanjutkan pelajaran dan akan tamat pada akhir bulan Mei. Buat masa ini tiada sebarang kejohanan yang disertai kerana mahu memberi fokus terhadap peperiksaan akhir di matrikulasi.

"Selepas tamat belajar, saya akan menyertai lebih banyak pertandingan yang dianjurkan bagi memantapkan lagi skill serta pengalaman saya dalam sukan ini,"

"ujarnya yang memenangi Best 16 dalam Double Open Petanque di Kuala Kangsar pada Februari lalu.

WK

Sukan SEA: Bakat Umar, Shereen perlu terus digilap

KEJAYAAN Umar Osman dan Shereen Samson Vallabouy mendominasi acara 400 meter (m) lelaki dan wanita Sukan SEA di Kemboja semalam, wajar dibalas dengan ganjaran dari segi lebih banyak sokongan dan bantuan, kata bekas pelari pecut negara Nazmizan Mohamad.

Nazmizan yang menguasai acara riben biru Sukan SEA 2003 Vietnam dengan merangkul emas acara pecut 100m dan 200m berkata ia merupakan pencapaian membanggakan untuk meletakkan Malaysia sebagai pemenang kedua-dua kategori lelaki dan wanita acara berkenaan selepas 26 tahun.

Kali terakhir Malaysia meraih emas kedua-dua acara 400m lelaki dan wanita adalah pada edisi 1997 di Jakarta, Indonesia menerusi Romzi Bakar dan N. Manimagalay.

Nazmizan berkata Umar, 20, telah melakukan larian yang cukup bertenaga untuk muncul juara dengan memecahkan rekod kebangsaan berusia hampir 22 tahun milik Mohd Zaiful Zainal Abidin, menerusi catatan 46.34 saat manakala pencapaian Shereen, 24, dengan catatan 52.53 saat merupakan hasil daripada pengalamannya berguru di Amerika Syarikat sejak 2019.

"Bagi saya, ini pencapaian yang bagus kerana kalau kita lihat pada sejarah, Malaysia sering ungguli acara ini apabila ibu Shereen,



UMAR OSMAN



SHEREEN

S. Josephine Mary sendiri pernah meraih emas bersama Nordin Mohamed Jadi pada edisi 1987 di Jakarta.

"Saya berharap dua atlet ini diberi bantuan dan sokongan dari segi persiapan untuk kejohanan seterusnya seperti latihan di luar negara bagi Umar. Bagi Shereen yang sudah berada di luar negara, mungkin bantuan dari segi kewangan yang sesuai baginya," katanya.

Nazmizan turut berpendapat kedua-dua atlet itu yang masih muda, mampu membawa kejayaan kepada negara bukan sahaja pada temasya Sukan SEA 2025 di Thailand dan 2027 di Malaysia, malah berpotensi menyinar di pentas Sukan Asia dan Komanwel sekiranya bakat mereka

digilap secara tepat.

Beliau berharap Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) mampu membuat perancangan yang sepatutnya untuk mengembangkan bakat kedua-dua pelari jarak sederhana tersebut.

Pada masa sama, beliau juga berharap pihak KOM memberikan tumpuan terhadap pelari 400m yang lain untuk mewujudkan kuartet 4x400m yang mantap untuk menaiki pingat emas pada edisi 2025 dan 2027.

"Kita dah ada Umar dan Shereen yang mampu menyinar, jika mampu melahirkan beberapa pelari lagi yang mampu lari sekitar 47 saat untuk lelaki dan 53 saat untuk wanita,

kita mampu mewujudkan pasukan berganti-ganti yang kuat.

"Jika mampu menang emas acara 400m lelaki dan wanita, berserta 4x400m lelaki, wanita dan campuran, di situ sahaja kita boleh dapat lima emas, sekali gus menca-

pai sasaran untuk menang 10 atau 12 emas di Sukan SEA. Malaysia mempunyai ramai atlet berbakat, tetapi perlukan perancangan dan pembangunan yang berterusan daripada KOM dan MSN," jelasnya.

- BERNAMA





Irfan azam mahu
sertai skuad negara ►►23

Berkonseptkan edutainment, Wetlands Studios Putrajaya dibuka 25 Mei ini

DEEL ANJER

TAMAN tema berkonseptkan edutainment, Wetland Studios Putrajaya yang akan dibuka pada 25 Mei ini dijangka menjadi daya tarikan pelancongan terbaharu kepada pengunjung terutamanya kanak-kanak.

Dahulunya taman tema ini dikenali sebagai Pusat Penghayatan Alam (NIC) Taman Wetland setelah ia beroperasi selama 10 tahun, kemudian ditambah baik dengan memperkenalkannya sebagai Wetlands Studios.

Apa yang istimewa, kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama KRU Studios ini melibatkan pembangunan bahan pameran menggunakan sistem teknologi terkini yang akan membantu PPj melengkapkan pengisian

pameran interaktif.

Ini sekali gus memenuhi hasrat PPj yang menekankan tema pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta spesies-spesies hidupan dari era prasejarah sehingga kini khususnya mempertingkatkan fungsi dan peranan air tawar sebagai salah satu sumber utama kehidupan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KRU, **Datuk Norman Abdul Halim** berkata Wetlands Studios ini mendidik masyarakat tentang



NORMAN

sepakan pendidikan hiburan atau edutainment.

“Wetlands Studios Putrajaya yang merupakan bangunan tiga tingkat ini menyediakan banyak aktiviti menarik yang melibatkan kehidupan air, darat dan udara. Di mana mereka akan diterangkan tentang kepentingan tiga elemen ini termasuk flora dan fauna.

“Apa yang menarik, penyampaian info sains kehidupan ini bukanlah seperti dalam kelas tetapi ia menghiburkan. Penyampaian adalah secara naratif yang melibatkan teknologi hologram, animasi dan robotik.


“Setiap kehidupan disediakan dalam bentuk robot yang menarik sekali gus memudahkan mereka memahami tentang kepentingan kehidupan air,

darat dan udara,” jelas beliau.

Menurut Norman, kos kandungan dan teknologi bagi membangunkan Wetland Studios yang dianggarkan membabitkan pelaburan RM10 juta ini diharap dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

“Wetland Studios bukan sekadar taman tema untuk bersuka-ria tetapi berkonseptkan edutainment yang menonjolkan peranan Taman Wetland Putrajaya serta flora dan faunanya kepada masyarakat setempat.

“Pengunjung akan mendapat pemahaman saintifik yang menghiburkan tentang pelbagai spesies hidupan seperti mamalia, reptilia, ikan, burung, serangga, pokok, bunga dan sebagainya serta peranan utama air bagi menyokong ekosistem kehidupan di bumi dari zaman prasejarah sehingga kini,” jelas beliau. WK



12 syarikat konsesi setuju laksana sistem pembayaran terbuka

SEBANYAK 12 syarikat konsesi lebuhraya bersetuju untuk melaksanakan sistem pembayaran tol terbuka yang akan bermula September ini, kata Menteri Kerja Raya, **Datuk Seri Alexander Nanta Linggi**.

Beliau berkata syarikat berkenaan adalah Lebuhraya Duta - Ulu Kelang Expressway (DUKE), Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP); Skim Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT); Lebuhraya Shah Alam (KESAS); Terowong SMART serta Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX).

Katanya ia juga melibatkan Lebuhraya Sungai Besi; Lebuhraya Baru Pantai (NPE); Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH); Lebuhraya Koridor Guthrie; Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE).

“Setakat ini, ini adalah syarikat konsensi yang setuju melaksanakan sistem pembayaran terbuka, yang lain rundingan masih dibuat dan kita berharap ada lagi yang tampil untuk bersama mengambil bahagian,” katanya selepas melawat Pusat Pemantauan Trafik (TMC) Menara Korporat,

Persada PLUS di Subang baru-baru ini.

Nanta berkata perbincangan dengan syarikat konsensi mengambil masa yang lama kerana perlu meneliti risiko keselamatan yang akan ditanggung oleh pengguna kad kredit atau debit untuk pembayaran tol.

“Kita nak pastikan semua isu-isu keselamatan itu tidak berlaku jadi kita tidak boleh buat tergesa-gesa pelaksanaannya,” katanya.

Sistem pembayaran tol terbuka yang akan bermula pada pertengahan September ini adalah inisiatif kerajaan untuk memberikan pilihan cara pembayaran tol kepada pengguna selain daripada menggalakkan kaedah pembayaran secara Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), kad Touch n Go dan SmartTag. - BERNAMA



Anwar kagum dengan Siti Nurhaliza

PENYANYI nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** mengakui segan menerima pujian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggumi nyanyiannya menerusi lagu Menjaga Cintamu yang merupakan lagu tema filem Anwar: The Untold Story.

“Sebenarnya, saya segan, tapi rasa sangat bersyukur, *Alhamdulillah*. Maknanya usaha dan karya hasil ciptaan Andi Rianto dan lirik oleh Sekar Ayu Asmara yang dibuat khas untuk filem ini mencapai matlamatnya.

“S e j u j u r n y a saya gementar, namun saya terharu dengan penerimaan dan maklum balas positif lagu ini. *Insya-Allah*, lagu ini bakal dimuatkan dalam album terbaru saya yang bakal siap tahun ini,” katanya.

Berkongsi tentang lagu tersebut, dia mengakui perlu menghayati filem itu terlebih dahulu su-



paya boleh mendalami jalan cerita dengan baik.

“Lagu ini dihasilkan untuk seorang tokoh hebat seperti Anwar Ibrahim yang banyak berkorban di samping isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah yang sering bersabar dan banyak menahan perasaan sepanjang perjuangan mereka.

“Saya juga berterima kasih kepada pihak produksi kerana memilih saya untuk menyampaikan lagu ini,” ujarnya yang ditemui sejurus majlis tayangan filem Anwar: The Untold Story anjuran DMY Creation di Dadi Cinema, Pavilion Kuala Lumpur, pada Isnin.

Terdahulu, Anwar dan Wan Azizah mengakui cukup tersentuh apabila mendengar lagu ciptaan komposer Indonesia itu.

“Lagu tema nyanyian Siti Nurhaliza itu *very powerful*. Saya dah mendengar sebahagian lagu tersebut.

“Satu persembahan bagus daripada Siti. Lirik dan lagunya luar biasa,” ulas beliau. WK